

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 NOVEMBER 2016

Langkah utama bagi mencapai sasaran kemajuan jangka panjang - Najib

PKS melalui e-Dagang

um-12/11/2016

■ PUTRAJAYA 11 NOV.

PEMBANGUNAN bagi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui e-Dagang merupakan antara langkah utama yang perlu diambil kerajaan untuk memastikan sektor itu dapat mencapai sasaran jangka panjang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, meskipun dalam keadaan ekonomi semasa yang mencabar, kementerian dan agensi diingatkan agar terus komited dalam melaksanakan program pembangunan PKS di bawah portfolio masing-masing.

Kedua-dua perkara tersebut disuarakan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) ke-21 di sini hari ini, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan SME Corp sempena mesyuarat itu.

Selain 15 menteri yang berkaitan, ketua agensi utama dan perwakilan dari Sabah dan Sarawak, tiga kementerian baharu menyertai MPPK iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Belia dan Sukan, katanya.

"Barisan ahli baharu ini akan memastikan konsultasi yang lebih inklusif dan menyeluruh untuk memberi manfaat kepada PKS dalam semua segmen," katanya.

Menurut SME Corp, berdasarkan petunjuk terkini dan hasil kaji selidik bagi suku ketiga tahun ini,



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) Kebangsaan Ke- 21 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir Dr. Hafsah Hashim (kiri), Chua Tee Yong (kanan) serta para menteri Kabinet. - BERNAMA

prestasi PKS terus berada pada landasan pertumbuhan sedia ada sehingga suku pertama 2017.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) PKS dijangkakan berada dalam lingkungan lima ke enam peratus pada 2016 dan 2017 berbanding 6.1 peratus pada tahun lepas," katanya.

SME Corp berkata, pertumbuhan tersebut dijangka disokong oleh aktiviti penggunaan domestik dan pelancongan dalam negeri, yang berkait rapat dengan prestasi PKS.

Sejajar pengisytiharan 2017 sebagai Tahun Promosi PKS (amp) syarikat permulaan, kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM6.7 bilion untuk pembangunan PKS dalam Bajet 2017 baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu lagi, perbincangan juga tertumpu kepada pembangunan bidang usahawanan di peringkat awal dan permulaan perniagaan, termasuk mengalakkan pembiayaan swasta.

"Perluasan landskap pembia-

yaan PKS yang merangkumi instrumen pembiayaan alternatif baharu, akan melengkapi sistem pembiayaan sedia ada oleh institusi kewangan yang kini menyumbang kira-kira 96 peratus daripada jumlah pembiayaan PKS," katanya.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Dr. Hafsah Hashim; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong serta para menteri Kabinet. - BERNAMA